
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JMK 216 – Sastera Rakyat Nusantara : Teori,
Metodologi dan Analisis**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 di Bahagian A (WAJIB) dan DUA soalan lagi dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

BAHAGIAN A

SOALAN 1 (berjumlah 100 markah) di Bahagian A ini WAJIB dijawab.

1. Daripada senarai DUA BELAS (12) aliran Teori Folklore yang berikut, pilih dan jawab MANA-MANA LIMA soalan.

Bagi setiap pilihan anda itu, berikan catatan ringkas tentang :

- (a) Pengasasnya ; dan (b) Intisari Kaedahnya.
- (i) Teori Historis-Geografis (*Historical-Geographical*)
 - (ii) Teori Rekonstruksi-Historis (*Historical-Reconstructional*)
 - (iii) Teori Ideologikal (*Ideological*)
 - (iv) Teori Fungsional (*Functional*)
 - (v) Teori Psikoanalitikal (*Psycho-analytical*)
 - (vi) Teori Struktural (*Structural*)
 - (vii) Teori Formula-lisan (*Oral-Formulaic*)
 - (viii) Teori Lintasan-Budaya (*Cross-Cultural*)
 - (ix) Teori Budaya -Rakyat (*Folk-Cultural*)
 - (x) Teori Budaya-Massa (*Mass-Cultural*)
 - (xi) Teori Hemisfera (*Hemispheric*)
 - (xii) Teori Kontekstual (*Contextual*)

(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN B

Pilih dan Jawab **MANA-MANA DUA** soalan daripada **Bahagian B** ini. Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

2. Berdasarkan sebuah ‘Teks’ daripada *genre* Epik atau Cerita Rakyat dari Nusantara yang sedia dibukukan, dan berpandukan mana-mana satu (atau kombinasi daripada dua) teori *Folklore* yang dibentangkan dalam kursus ini, jelaskan tentang:
 - (a) ‘Konteks asal’ di mana ‘Teks’ tersebut telah wujud dan bagaimana ianya telah ‘dibukukan’; dan
 - (b) Apakah intisari hasil yang diperolehi daripada analisis yang telah anda buat ke atas teks tersebut?(100 markah)

3. Merujuk kepada mana-mana satu *Genre* Legenda atau Cerita Rakyat, yang pada pengetahuan anda masih belum dirakam atau dibukukan, jelaskan :
 - (a) isu-isu ‘teoritikal’ yang perlu dikuasai sebelum seseorang pengkaji memulakan kerja-kerja lapangan (*fieldwork*) bagi mengumpulnya; dan
 - (b) isu-isu ‘praktikal’ yang mungkin dihadapi semasa pengkaji tersebut membuat kerja-kerja lapangannya.(100 markah)

4. Berpandukan pendekatan-pendekatan ilmiah serta mana-mana satu (atau kombinasi daripada dua) teori *Folklore* yang telah dibentangkan dalam kursus ini, bincangkan :
 - (a) ‘isu-isu praktikal’ yang mungkin dihadapi dalam membuat sesuatu ‘Transkripsi daripada bahan kutipan *Verbatim*’; dan
 - (b) ‘isu-isu teoritikal’ dalam membuat Analisis yang sewajarnya ke atas Bahan atau ‘Teks’ yang telah ditransformasikan bentuknya itu.(100 markah)

...4/-

5. Dalam “zaman tradisional” – di mana komunikasi di antara sesama manusia ialah sama ada melalui *medium* persuratan atau pertuturan lisan – pertumbuhan dan penyibaran Sastera Rakyat dan kewujudannya dalam pelbagai bentuk atau *genre* amat bergantung kepada *medium* itu sendiri. Kini, kita berada dalam “era cyber” di mana kita dapat menggunakan “media elektronik” (seperti peralatan komputer) untuk “melayari” (*surf*) kemudahan *Internet*, dan seterusnya mengendalikan *chit-chat* yang serius mahu pun yang bersifat “omong-omong kosong” atau pun menyampaikan “khabar-khabar angin” dalam “alam cyber” tersebut, mahupun mengirim *e-mail* beserta dokumen-dokumen *attachment* yang penting melaluinya – maka timbulah persoalan dan isu-isu baru. Sehubungan dengan konteks yang baru disebutkan di atas, bincangkan tentang isu-isu :
- (a) kemungkinan tumbuhnya “bentuk” atau “*genre* baru” atau “khazanah sastera rakyat era baru”;
 - (b) aspek-aspek praktikal dari segi pengumpulan bahan-bahan “sastera rakyat bentuk baru” itu daripada media elektronik berkenaan; dan
 - (c) aspek-aspek teoritikal yang perlu dihadapi pula.

(100 markah)

- 000 O 000 -